

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA AUDIT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)
BIL. 3 TAHUN 2022

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2022
MASA : 11:30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT KETUA SETIAUSAHA
ARAS 12, BLOK E7, KKM
KEHADIRAN : LAMPIRAN A

1. PERUTUSAN Pengerusi

1.1 YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA). Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan mesyuarat JKA Bilangan ke 3 bagi Tahun 2022. Mesyuarat JKA ini akan membincangkan isu-isu yang ditemui oleh Cawangan Audit Dalam (CAD) semasa melaksanakan pengauditan pada suku ketiga tahun 2022 serta status maklum balas Audit bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di *Auditor General Dashboard* (AG's Dashboard).

1.2 YBhg. Datuk Pengerusi turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan empat (4) Ahli JKA yang telah bersara/bertukar iaitu:

- a. YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
- b. Tuan Haji Ir. Tauran Zaidi bin Ahmad Zaidi
Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan
- c. Encik Thean Ming Fatt
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
- d. Puan Fazlina binti Hashim
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

1.3 YBhg. Datuk Pengerusi turut mengalu-alukan pelantikan enam (6) Ahli JKA yang baharu/ dinaikkan pangkat iaitu:

- a. YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
- b. YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

- c. Puan Norrani binti Eksan
Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
- d. Encik Yahaya bin Saad
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
- e. YBrs. Dr. Francis Paul
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- f. Puan Norli binti Karim
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

1.4 YBhg. Datuk Pengerusi seterusnya memaklumkan kesemua isu yang dibangkitkan dalam LKAN di portal AG's Dashboard telah diambil tindakan oleh KKM. Bagaimanapun, satu (1) isu masih berstatus "Dalam Tindakan" bagi pengauditan Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital (LKAN Tahun 2019 Siri 2). Selain itu, terdapat enam (6) pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara iaitu:

- a. Pengurusan Wabak Covid-19 di KKM;
- b. Pengauditan Pengurusan Perkhidmatan Ambulans;
- c. Pengauditan Terhadap Pengurusan Kesiapsiagaan Sistem Kesihatan Awam Menghadapi Krisis dan Bencana;
- d. Pengurusan Pendaftaran Penerima Vaksin;
- e. Pengauditan Komprehensif Pengurusan Sumber Air Negara; dan
- f. Pengauditan Pematuhan Bagi Bayaran Balik Bil Tuntutan Rawatan Pesakit Tanggungan Kerajaan Di Institut Jantung Negara.

1.5 YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan bahawa laporan ini akan dilaporkan kepada ahli JKA KKM untuk makluman bagi tindakan selanjutnya setelah laporan berkenaan selesai dibentangkan di Parlimen. Oleh itu, YBhg. Datuk Pengerusi memohon kerjasama semua Ketua Jabatan untuk melancarkan proses pengauditan supaya perkara yang dilaporkan menggambarkan isu yang positif bagi KKM.

1.6 YBhg. Datuk Pengerusi juga memaklumkan sesi mesyuarat JKA kali ini akan membentangkan tiga (3) pengauditan prestasi dan dua (2) pengauditan kewangan yang telah dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2022 iaitu:

- a. Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA);
- b. Penyenggaraan Sistem ICT - Total Hospital Information System (THIS) Di Institut Kanser Negara;
- c. Aktiviti Penilaian KIT Ujian COVID-19 di Fasiliti Ujian;
- d. Pengauditan Pengurusan Kewangan di 20 PTJ; dan
- e. Pengauditan Arahan Pembayaran di 15 PTJ.

1.7 YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan selain pembentangan laporan pengauditan yang telah dilaksanakan oleh CAD, prestasi penilaian sendiri bagi Pengurusan Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) KKM yang dinilai melalui Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (Sistem 3PK) bagi Setengah Tahun Pertama (Januari - Jun 2022) akan turut dibentangkan dalam mesyuarat ini.

1.8 YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa sesi mesyuarat pada hari ini juga penting bagi mempelajari dan menambah baik kekurangan dalam sistem pengurusan di KKM supaya pelanggaran prosedur dan peraturan dapat dielakkan daripada berulang di masa akan datang.

Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat JKA Bilangan 2 Tahun 2022 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pengauditan Terhadap Pengurusan Bot Ambulans [Rujukan JKA Bilangan 4 Tahun 2020]

3.1.1 Dua (2) enjin bot berjumlah RM121,500.00 yang dibekalkan oleh JKN Sabah kepada PKD Semporna masih belum dipasang/diuji dan digunakan.

- a. Jangkamasa enjin bot tersebut tidak digunakan dan berada dalam simpanan PKD adalah melebihi empat (4) tahun sehingga tarikh pengauditan dijalankan. PKD Semporna menjelaskan bahawa pengujian semula enjin bot akan dilaksanakan oleh Bahagian Kejuruteraan JKN Sabah bagi menentukan sama ada enjin tersebut masih boleh digunakan atau sebaliknya.
- b. Bahagian Kejuruteraan JKN Sabah menjelaskan bahawa lawatan pemeriksaan teknikal dua (2) enjin bot berkapasiti 150HP 2.8CC (232kg) telah dilaksanakan pada 22 April 2021. Enjin bot jenis Outboard berkenaan telah disimpan di Stor Pejabat Kesihatan Daerah Semporna sejak tahun 2015 dan tidak pernah digunakan. Hasil daripada pemeriksaan teknikal enjin bot berkenaan didapati bahawa:
 - i. Enjin bot jenis Outbound berkapasiti 150HP 2.8CC (232kg) masih disimpan rapi dalam bungkusan yang disediakan;
 - ii. Kesemua kelengkapan aksesori enjin berkenaan masih berada pada bungkusan sedia ada; dan
 - iii. Secara keseluruhannya, enjin bot berkenaan masih boleh berfungsi dengan baik.

- c. Bahagian Kejuruteraan JKN Sabah juga memaklumkan pengujian semula dua (2) enjin bot (*Crank Enjin*) tersebut tidak dapat dilaksanakan semasa lawatan berkenaan disebabkan oleh faktor teknikal dan keselamatan yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana enjin bot berkenaan perlu diangkat dan diletakkan dalam keadaan menegak sekurang-kurangnya menggunakan *Lorry Crane* 1 Tan atau *Forklift* kerana berat enjin berkenaan mencecah 232kg.

3.1.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- a. Bahagian Pembangunan Kesihatan Awam (BPKA) telah memajukan permohonan peruntukan berjumlah RM220,000.00 tersebut melalui memo KKM.600-30/12/34 Jilid3 (47) yang bertarikh 27 Julai 2022 kepada Bahagian Pembangunan supaya penyediaan perkhidmatan klinik bergerak dapat dilaksanakan dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan primer.
- b. Berdasarkan memo daripada BPKA yang diterima pada pertengahan kedua tahun 2022, Bahagian Pembangunan menyatakan bahawa permohonan tersebut bersifat boleh dirancang dan tidak mempunyai keperluan yang mendesak. Peruntukan BP01100 – Peralatan dan Kenderaan yang berbaki bagi tahun 2022 adalah sangat terhad dan dikhususkan untuk tujuan kecemasan dan darurat sahaja. Oleh itu, Bahagian ini mengesyorkan supaya permohonan tersebut dimasukkan ke bawah siling BP01100 - Peralatan dan Kenderaan bagi Program Kesihatan Awam tahun 2023 kelak.
- c. JKN Sabah masih belum membuat apa-apa tindakan. Dalam masa yang sama, perkhidmatan kesihatan semasa tidak terjejas kerana sering mendapat kerjasama yang baik daripada wakil rakyat tempatan dan orang awam; dan
- d. PKD Semporna memaklumkan bahawa buat masa sekarang terdapat tiga (3) bot yang sedang digunakan dan satu (1) bot sebagai klinik bergerak.

3.1.3 YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan keperluan bot adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kesihatan Kerajaan tidak terjejas dan mengarahkan permohonan kelulusan peruntukan dibuat pada bulan Disember 2022 agar kelulusan dapat diberi pada bulan Januari 2023.

Tindakan:

JKN Sabah
PKD Semporna
Bahagian Perolehan dan Penswastaan

3.2 Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan Ventilator Secara Darurat [Rujukan JKA Bilangan 4 Tahun 2021]

3.2.1 Terdapat tiga (3) penemuan audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap pengurusan ventilator yang dibuat secara darurat seperti berikut:

- a. Pharmaniaga tidak membuat tuntutan baki berjumlah RM1.08 juta kepada KKM kerana kerja naik taraf masih belum selesai.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa pembayaran baki berjumlah RM1.08 juta hanya akan dibuat kepada Pharmaniaga setelah kesemua 18 unit VapoTherm Precision Flow Hi-VNI dan 15 unit ventilator selesai diuji dan ditauliahkan (T&C).

Makluman

- i. Bahagian Perolehan dan Penswastan (BPPs) dan Bahagian Perkembangan Perubatan memaklumkan perkara seperti berikut:

- Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd (PLSB) melalui surat bertarikh 14 Mac 2022 telah memohon pelanjutan tempoh kali ketiga bagi kerja-kerja menaik taraf 136 peralatan ventilator yang belum diselesaikan. BPPs telah memanjangkan perkara ini kepada Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP) untuk ulasan dan pandangan.
- Susulan daripada itu, satu mesyuarat bagi membincangkan permohonan ini telah diadakan pada 21 April 2022. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, BPP dan dihadiri sama oleh BPPs, PLSB dan IDS Medical Systems (M) Sdn Bhd. Semasa mesyuarat tersebut, status kerja-kerja naik taraf telah dibentangkan seperti berikut:

BIL.	MODEL	KUANTITI	SELESAI T&C	TIDAK DAPAT DIGUNAKAN	DALAM TINDAKAN
1.	Newport Respirator E360	4	4	0	0
2.	Nanjing Superstar 900B	25	13	12	0
3.	Nanjing Superstar 700B	35	0	35	0
4.	Nanjing Superstar 8800	26	10	16	0
5.	Nanjing Superstar 8400	1	0	1	0
6.	ZXH550	29	0	29	0
7.	HRD ZXH600	16	1	0	15
JUMLAH		136	28	93	15

- Semasa mesyuarat tersebut juga PLSB telah mencadangkan penggantian 93 unit ventilator yang tidak dapat dinaik taraf berdasarkan nilai caj servis dan penyelenggaraan seperti berikut:

PILIHAN	PILIHAN 1	PILIHAN 2
Nama Aset	Invasive Portable Ventilator Servo Air	Flowmetry Non Invasive Ventilator
Harga	RM90,000.00/unit	RM30,000.00/unit
Bilangan Unit Pengganti Yang Boleh Dilaksanakan	6 unit (RM540,000.00)	18 unit (RM540,000.00)
Waranti Dan Penyelenggaraan Tahun Kedua	RM60,000.00/6 unit	RM72,000.00/18 unit
JUMLAH	RM600,000.00	RM612,000.00

- Isu berkaitan ventilator yang dibekalkan oleh Pharmaniaga melalui perolehan darurat (AP173.2) telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Pemantauan Perolehan Darurat Wabak COVID-19 Yang Dilaksanakan Secara Berpusat di IPKKM Bil. 2/2022 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKSU (K) pada 23 Mei 2022. Setelah diteliti berdasarkan keadaan semasa dan keperluan KKM, mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya:

- Cadangan penggantian melalui yuran penyelenggaraan dengan butiran seperti berikut:

NAMA ASET	FLOWMETRY NON INVASIVE VENTILATOR
Harga	RM30,000.00/unit
Bilangan unit pengganti yang boleh dilaksanakan	18 unit (RM540,000.00)
Waranti dan penyelenggaraan tahun kedua	RM72,000.00/18 unit
JUMLAH HARGA	RM612,000.00

- Perubahan spesifikasi dan bilangan ventilator ini perlu dikemukakan semula kepada Pegawai Pengawal untuk kelulusan;
 - Tempoh masa kerja-kerja naik taraf dan penggantian dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022; dan
 - Cadangan pelupusan bagi 93 unit ventilator yang tidak dapat digunakan diselaraskan oleh BPP. Dicadangkan supaya ventilator ini disumbangkan kepada Institut Pengajian Tinggi Awam dan badan-badan kerajaan yang memohon peralatan ini untuk tujuan pembelajaran dan kajian. BPP perlu menyelaraskan cadangan pelupusan dan mengemukakan permohonan untuk pertimbangan Pegawai Pengawal.
- Minit Ceraian berhubung perubahan spesifikasi dan bilangan ventilator telah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal pada 23 Jun 2022.

- Memandangkan tindakan di peringkat pembekal telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022 dan perkara ini akan dibentangkan sehingga Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2022, Urus setia JKA akan membuat susulan mengenai status terkini 18 unit ventilator yang telah dijanjikan akan dibekal oleh PLSB sama ada telah diterima oleh KKM dan diagihkan kepada hospital yang menerima ventilator sebelum ini.
- BPP memaklumkan bahawa cadangan penggantian melalui yuran penyelenggaraan akan diperhalusi oleh BPPs melalui mesyuarat yang akan diadakan kelak.
- BPP juga menyatakan bahawa bagi peralatan ventilator yang tidak digunakan disarankan untuk disumbangkan kepada badan-badan kerajaan yang memohon untuk tujuan pembelajaran dan kajian. Pelupusan ventilator ini akan diangkat kepada MOF oleh BPPs sebelum perkara ini dilaksanakan.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- a. Pada 13 Julai 2022, Bahagian Perkembangan Perubatan mengadakan satu mesyuarat perbincangan berkaitan 136 unit ventilator bersama Bahagian Perolehan dan Penswastan, Bahagian Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd dan Syarikat IDS Medical Systems(M) Sdn. Bhd. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - i. Perlu diadakan mesyuarat teknikal bagi 18 unit VapoTherm Precision Flow Hi-VNI.
 - Tindakan: Pada 28 Julai 2022, Mesyuarat Perbincangan Berkaitan Kesesuaian Spesifikasi Peralatan VapoTherm Precision Flow Hi-VNI telah diadakan. Mesyuarat bersetuju untuk digunakan di Jabatan Pediatrik di hospital-hospital KKM. Pada 7 September 2022, surat penempatan ke hospital dikeluarkan oleh Dato' TKPK (Perubatan)
 - ii. BPPs perlu mendapatkan maklumat punca kuasa atau tatacara bagi pelupusan ventilator
 - Tindakan: 19 Ogos 2022 - Memo TKPK (Perubatan) kepada SUB BPPs bertajuk Permohonan Cadangan Pelupusan Aset Dengan Kaedah Serahan Kepada Institusi Pengajian Untuk Tujuan Pembelajaran Bagi Aset Perubatan Ventilator di Bawah Perolehan Darurat Covid-19) rujukan KKM87/P1/13/13(34) Jld.4 telah dikeluarkan. BPPs sedang mendapatkan maklumat tambahan daripada Bahagian Perkembangan Perubatan melalui memo bertarikh 2 September 2022 mengenai bilangan sebenar ventilator yang akan dilupuskan dan senarai institusi pendidikan yang ingin memohon peralatan tersebut (pelupusan melalui kaedah-kaedah lain secara hadiah). Surat pengecualian permohonan pendaftaran dan kelulusan pelupusan akan dihantar kepada MOF sebaik sahaja BPPs menerima maklumat lengkap daripada pihak Bahagian Perkembangan Perubatan dan dijangka akan dihantar kepada MOF pada 15 September 2022.

- iii. Pihak PLSB/ IDS perlu mengemukakan laporan ventilator ke Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKj).
 - Tindakan: 3 Ogos 2022 - PLSB menyatakan telah menghantar laporan ke BPKj.
- iv. Keperluan SST memandangkan pertukaran kuantiti dan spesifikasi ventilator.
 - Tindakan: 13 Julai 2022 - BPPs mengeluarkan e-mel ke BPP menyatakan tiada dokumen Surat Setuju Terima (SST) diperlukan bagi 18 unit ventilator tersebut dan memadai dengan mengemukakan salinan surat kelulusan oleh YBhg. Datuk KSU mengenai pindaan spesifikasi dan kuantiti bertarikh 23 Jun 2022.
- v. Bagi 93 unit ventilator yang tidak dapat dinaiktaraf, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang telah menunjukkan minat untuk menerima ventilator. Namun masih menunggu jawapan rasmi dari mereka. Emel ke KKTML Ledang pada 2 Ogos 2022.
- vi. 40 Unit Ventilator Jenny - Pihak pembekal E Medtest (M) Sdn. Bhd telah menghantar surat ke Bahagian Perkembangan Perubatan pada 1 Julai 2022. Maklumbalas pihak syarikat seperti berikut :
 - Syarikat telah menghantar kembali ventilator kepada semua hospital;
 - Syarikat pengilang MS Westfalia GmbH yang kini telah mufli. Pihak syarikat sendiri tidak dapat berhubung dengan pihak pengurusan MS Westfalia GmbH;
 - Pihak syarikat akan terus memberikan sokongan After Sales Service setakat yang mampu kerana terdapat hospital yang masih mahu menggunakan sebagai *Patient Monitor & Defibrillator*; dan
 - Pihak syarikat telah mengeluarkan cadangan bahawa peralatan ini selamat digunakan sebagai *Patient Monitor & Defibrillator* tetapi tidak sebagai ventilator.

Makluman

- b. Penggunaan lapan (8) unit ventilator jenis *Jenny Modular ICU Hybrid* dengan kos berjumlah RM1.28 juta dinasihatkan untuk menghentikan sementara penggunaannya atas sebab keselamatan.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Ventilator *Hybrid* ini pada masa kini hanya digunakan sebagai *standby* unit dan hanya digunakan sebagai *Patient Monitor* sahaja jika perlu.

Makluman

- c. Sebanyak 44 unit ventilator bernilai RM6.97 juta melibatkan enam (6) hospital tidak digunakan seperti berikut:
 - i. Hospital Queen Elizabeth 1 (HQE1) telah menerima 12 unit ventilator model ZXH550. Bagaimanapun, pihak hospital telah menolak untuk menerima ventilator tersebut kerana spesifikasi peralatan tidak sesuai digunakan untuk pesakit.

- ii. Hospital Umum Sarawak (HUS) telah menerima 12 unit ventilator model 700B. Bagaimanapun, semua ventilator tersebut dikembalikan semula kepada pembekal untuk tujuan penyelenggaraan *software* dan *hardware*.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa HUS telah menerima surat bertarikh 7 September 2022 dari Bahagian Perkembangan Perubatan (Surat Ruj. KKM.S.600-27/23/125(03) Jld.33) mengenai penggantian ventilator tersebut.

Makluman

- iii. Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) telah menerima lapan (8) unit ventilator model ZXH-550. Kesemua ventilator berkenaan tidak selamat digunakan kepada pesakit dan HTAA menolak penerimaan ventilator tersebut.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa lapan (8) unit ventilator masih belum diambil oleh pihak pembekal untuk tindakan selanjutnya. Jabatan ini juga tidak menerima apa-apa arahan daripada Bahagian Perkembangan Perubatan untuk tindakan lanjut yang berkaitan.

Makluman

- iv. Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) telah menerima empat (4) unit ventilator model ZXH-600. Ventilator tersebut masih tidak digunakan kerana tiada *Testing And Commissioning* (T&C) oleh pihak pembekal.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada tindakan/ arahan lanjut dari mana-mana stakeholder berkaitan cadangan pelupusan.

Makluman

- v. Hospital Pulau Pinang (HPP) telah menerima empat (4) unit ventilator model ZIBO ZXH 600. Kesemua ventilator berkenaan tidak memenuhi spesifikasi teknikal pengilang.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa baki tiga (3) unit ventilator tersebut akan digantikan komponen utama oleh pihak syarikat pada 28 September 2022. Sesi T&C akan dilaksanakan pada tarikh tersebut.

Makluman

3.3 Pengauditan Terhadap Pengurusan Kes Saman Medico Legal [Rujukan JKA Bilangan 4 Tahun 2021]

- a. Laporan Siasatan masih belum dikemukakan kepada Bahagian Amalan Perubatan (BAP) melibatkan enam (6) kes saman dan telah melebihi tempoh 45 hari dari tarikh arahan BAP.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa dua (2) laporan telah diterima daripada JKN Selangor pada 21 Jun 2022 dan 5 Julai 2022 serta telah dihantar kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 8 Julai 2022 dan 29 Julai 2022.

Makluman

- b. Terdapat Laporan Siasatan Pasca Pembayaran yang belum dikemukakan kepada MOF melibatkan tiga (3) kes saman dan telah melebihi tempoh 60 hari dari tarikh surat arahan MOF.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa laporan telah diterima daripada JKN Perak pada 16 Jun 2022 dan dihantar kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 1 Julai 2022.

Makluman

3.4 Pengauditan Terhadap Pembatalan Tender-Tender [Rujukan JKA Bilangan 4 Tahun 2021]

TKSU Kewangan telah diarahkan untuk menyediakan satu kertas untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi memaklumkan kelemahan sistem perolehan yang menyebabkan banyak tender terbatal dan memberi cadangan untuk menambahbaik sistem tersebut.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bahagian Perolehan dan Penswastaan telah mengemukakan Minit Ceraian berhubung Cadangan Penambahbaikan Perolehan Kerajaan untuk pertimbangan pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian pada 5 Julai 2022. YBhg. Datuk KSU telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan dan menandatangani surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 6 Julai 2022. Perkara ini telah dibangkitkan semula semasa sesi perjumpaan KKM bersama Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 23 Ogos 2022. Sehingga kini, pihak MOF masih meneliti dan membuat pertimbangan terhadap cadangan tersebut.

Makluman

3.5 Pengauditan Terhadap Pengurusan Hadiah/ Sumbangan COVID-19 [Rujukan JKA Bilangan 4 Tahun 2021]

3.5.1 Sebanyak dua (2) unit ventilator dan 20 unit *Oxygen concentrator* yang diterima di Hospital Sungai Buloh (HSB) tidak digunakan kerana tiada kelulusan MDA.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- a. Pengurusan sumbangan dalam bentuk peralatan/aset seperti penyediaan minit ceraian kelulusan Pegawai Pengawal, pendaftaran aset sumbangan dan lain-lain yang berkaitan adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Perolehan & Penswastaan. Bahagian Kewangan hanya menguruskan sumbangan yang berbentuk wang tunai sahaja.
- b. Bahagian Perolehan dan Penswastaan (BPPs) melalui e-mel bertarikh 6 September 2022 kepada JKN Selangor telah memohon pihak JKN Selangor untuk mengenal pasti institusi latihan yang ingin menerima 20 unit oxygen concentrator yang akan dilupuskan melalui kaedah-kaedah lain (secara hadiah) serta mengemukakan permohonan kelulusan pelupusan kepada BPPs dengan kadar segera.
- c. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Pengurusan Aset Alih, pelupusan melalui kaedah-kaedah lain (hadiah) adalah di bawah kuasa melulus Perbendaharaan. Bagi tatacara pendaftaran *oxygen concentrator* yang akan dilupuskan tersebut, aset alih tersebut hendaklah didaftarkan dalam SPPA dengan nilai di bawah RM2,000.00 dan dicatatkan sebagai tidak selamat untuk digunakan ke atas pesakit dan akan dilupuskan. Semua aset yang diterima melalui sumbangan perlu didaftarkan dalam SPPA. *Oxygen concentrator* yang diterima melalui sumbangan daripada Kerajaan China (tidak selamat untuk digunakan ke atas pesakit) turut didaftarkan terlebih dahulu sebelum dilupuskan.

Makluman

3.6 Pengauditan Pemeriksaan Mengejut [Rujukan JKA Bilangan 1 Tahun 2022]

Mesyuarat dimaklumkan oleh YBhg. Datuk Pengerusi agar JKWPKL&P membuat percubaan penilaian sendiri melalui sistem S3PK dan berkongsi hasil semakan dan penilaian bersama ahli mesyuarat yang lain.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa JKWPKL&P telah melaksanakan penilaian sendiri di PTJ bawah JKWPKL&P berdasarkan salah satu skop di dalam S3PK dan akan membentangkan hasil penilaian sendiri tersebut pada mesyuarat JKA Bil. 3/2022.

Makluman

3.7 Pengauditan Penilaian Risiko Pengurusan Kewangan Bagi Kutipan Hasil (KPI CAD Mulai Julai 2021) [Rujukan JKA Bilangan 1 Tahun 2022]

a. Tunggakan SPIKPA.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

i. Bahagian Kewangan telah berhubung dengan hospital yang terlibat dan mengenal pasti isu berhubung tunggakan bil hospital di bawah SPIKPA seperti berikut:

- Setakat 23 September 2022, Hospital Melaka memaklumkan terdapat dua (2) bil masih belum dijelaskan sepenuhnya oleh pesakit. Namun, satu (1) bil telah dibuat bayaran ansuran secara berkala pada 20 Julai 2022 sebanyak RM1,000.00 dan RM500 pada 20 September 2022. Oleh yang demikian, lebihan baki sebanyak RM2,989.00 dijangka akan diselesaikan oleh pihak syarikat sehingga Disember 2022.

Bagi bil kedua, sebanyak RM2,116.00 masih belum dijelaskan oleh syarikat dan surat peringatan 1 telah diberi pada 8 Julai 2022, surat peringatan 2 pada 22 Julai 2022 dan surat peringatan 3 juga telah dihantar pada 5 September 2022. Namun, sekiranya masih tiada bayaran diterima, pihak hospital akan membuat permohonan notis undang-undang melalui Sistem Pengurusan Hasil (SPH) kepada Bahagian Kewangan selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil, Tunggakan dan Hapus Kira di Fasiliti KKM 2019.

- Hospital Kajang memaklumkan status terkini berikutan penghantaran enam (6) surat tuntutan kepada pihak syarikat yang terlibat pada 10 Jun 2022 adalah seperti berikut:
 - Dua (2) syarikat telah selesai membayar balik tunggakan sepenuhnya sehingga Julai 2022;
 - Satu syarikat akan membuat bayaran ansuran setiap bulan sebanyak RM1,000.00 dan dijangka selesai sehingga Disember 2022; dan
 - Tiga (3) syarikat telah tutup dan tidak dapat dihubungi. Walau bagaimanapun, surat peringatan telah dihantar kepada kedutaan Pakistan, Bangladesh dan Myanmar pada 7 September 2022.

Makluman

3.8 Pengurusan Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi [Rujukan JKA Bilangan 2 Tahun 2022]

- a. Pelan Strategik Denggi Kebangsaan 2021 - 2025 masih belum dimuktamadkan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, IPKKM untuk dijadikan SOP terkini kepada semua PKD seluruh Malaysia.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi Kebangsaan 2022 - 2026 telah dimuktamad dan diedarkan pada 26 Julai 2022 melalui surat edaran KKM.600-29/4/56 Jld.16 (69). Edaran dibuat kepada Pengarah Kesihatan Negeri untuk rujukan Unit Kawalan Vektor di negeri dan daerah serta Bahagian lain yang berkaitan dengan Program Pencegahan dan Kawalan Denggi seperti Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Pendidikan Kesihatan dan Bahagian Pengurusan Maklumat.

- b. Buku Notis Kompaun Tidak Dapat Disahkan - Pihak Audit tidak dapat mengesahkan Buku Notis Kompaun sebanyak lapan (8) di PKD Petaling.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa PKD Petaling telah melakukan semakan berkenaan lapan (8) buku kompaun dan hasil semakan mendapati bahawa enam (6) buku berada dalam simpanan Unit Inspektorat dan Perundangan Daerah (UIPD) manakala dua (2) lagi buku kompaun tidak dibekalkan kepada UIPD dan Inspektorat dan Perundangan Negeri Selangor (UIPN).

Makluman

3.9 Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Nilai Tambah LOCKER4U [Rujukan JKA Bilangan 2 Tahun 2022]

- a. Kutipan Deposit Tanpa Kebenaran/Kelulusan Daripada Pegawai Pengawal Untuk Penggunaan Lokar Kepada Pengguna - HTAR, Selangor.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

Perkara ini telah dirujuk kepada Bahagian Akaun dan dimaklumkan bahawa Bahagian Akaun telah pun memberi maklum balas pada 22 Julai 2022 secara emel kepada pihak HTAR seperti berikut:

- i. Kutipan deposit berjumlah RM135.00 bagi 18 orang pendeposit yang tidak dapat dihubungi perlu diakaunkan ke akaun Deposit Am L1111101 mengikut tatacara deposit subsidiari di iGFMAS. Tempoh pegangan yang dicadangkan adalah 30 hari;

- ii. PTJ perlu membuat carian maklumat pendeposit melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan menghubungi pendeposit melalui surat berdaftar berdasarkan alamat terakhir diperolehi daripada JPN. Deposit yang tidak dituntut perlu diwartakan selaras Arahan Perbendaharaan 162;
- iii. Pihak Unit Hasil HTAR telah memperakaunkan kutipan deposit bagi 16 orang pendeposit perkhidmatan Locker4U berjumlah RM130.00 (satu ratus tiga puluh sahaja) ke akaun Deposit Am sepertimana yang disarankan Bahagian Akaun KKM melalui surat No. Ruj. KKM.BA/UAD/002 Jld.24 (26) bertarikh 22 Julai 2022. Pewartaan telah dibuat pada 06 September 2022 melalui sistem eWarta PNMB setelah berakhir tempoh pegangan selama 30 hari. Rujukan surat : (03) HTAR/410/13 JLD.2; dan
- iv. Pihak Jabatan Farmasi telah membuat permohonan untuk mendapatkan maklumat (nombor telefon & alamat) pelanggan deposit bagi pemulangan duit deposit. Surat permohonan telah dihantar kepada:
 - Jabatan Pendaftaran Negara (Rujukan surat: (26) HTAR/JAB.FARM/220/04JLD.1 bertarikh 21 Julai 2022);
 - CELCOM (Rujukan surat: (28) HTAR/JAB.FARM/220/04JLD.1 bertarikh 26 Julai 2022);
 - DIGI (Rujukan surat: (29) HTAR/JAB.FARM/220/04JLD.1 bertarikh 26 Julai 2022);
 - MAXIS (Rujukan surat: (30) HTAR/JAB.FARM/220/04JLD.1 bertarikh 26 Julai 2022); dan
 - U MOBILE (Rujukan surat: (31) HTAR/JAB.FARM/220/04JLD.1 bertarikh 26 Julai 2022)
- v. Tetapi, semua surat permohonan tidak mendapat jawapan/ maklum balas dari pihak terbabit. Kutipan deposit yang tidak berjaya dipulangkan terkini adalah berjumlah RM130.00 dan telah dihantar kepada Unit Hasil & Daftar Masuk (Rujukan surat: (35) HTAR/JAB.FARM/220/04Jld.1) bertarikh 1 Ogos 2022.

Makluman

- b. Penggunaan lokar - HTAR, Selangor Hanya 48 (40%) unit lokar daripada 120 unit lokar yang dibuat perolehan telah digunakan untuk perkhidmatan Locker4U sepenuhnya. Sebanyak lapan (8) atau (6.7%) unit lokar tidak digunakan. Manakala sebanyak 64 (53.3%) unit lokar digunakan bagi tujuan lain.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Mengikut statistik, dalam seminggu seramai 9 hingga 10 pelanggan yang menggunakan lokar dari jumlah keseluruhan lokar yang ada (48 unit). Peratus penggunaan lokar masih rendah sebanyak 20.83% sahaja.

Bilangan pelanggan baru berdaftar juga menunjukkan trend pengurangan dari tahun 2019 hingga kini (sila rujuk jadual di bawah), walaupun pelbagai promosi telah di lakukan.

TAHUN	BILANGAN PELANGGAN BARU
2019	86
2020	64
2021	23
2022	13 (Sehingga Ogos)

- ii. Promosi lokar telah dilakukan oleh pihak Jabatan Farmasi untuk meningkatkan penggunaan lokar yang ada (48 unit). Walau bagaimanapun, setelah promosi bilangan pelanggan baru tidak menunjukkan peningkatan. Jadual di bawah menunjukkan bilangan pelanggan baru berdaftar dan preskripsi susulan yang dibekalkan selepas promosi dipertingkatkan.

BULAN	BIL. PELANGGAN BARU	BIL. PRESKRIPSI SUSULAN
Januari	5	50
Februari	1	49
Mac	2	37
April	2	38
Mei	0	39
Jun	0	33
Julai	1	33
Ogos	2	33

- iii. Memandangkan tiada perubahan bilangan pelanggan, walaupun pelbagai promosi telah dilakukan, oleh itu, pihak HTAR terpaksa membuat keputusan bagi menggunakan baki lokar yang tidak digunakan iaitu sebanyak 72 unit untuk Perkhidmatan Nilai Tambah lain yang lebih ramai pelanggan seperti Farmasi Pandu Lalu (di mana bilangan pelanggan sebulan adalah sebanyak ~1500 dan Kad Janji Temu sebanyak ~700 pelanggan sebulan. Ini jelas menunjukkan lokar masih tetap digunakan dengan secara maksima.
- c. Penempatan lokar kurang sesuai ii. HTAR, Selangor - Lokasi lokar adalah kurang sesuai kerana jauh daripada Unit Farmasi bagi pengendalian ubat dan jauh/terpencil untuk diakses oleh pesakit yang menggunakan perkhidmatan Locker4U.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Pihak Pengurusan Hospital memohon membuat pemantauan penggunaan lokar selama setahun sebelum cadangan pemindahan lokasi baru. Pihak hospital berpendapat bahawa penggunaan yang rendah mungkin adalah disebabkan oleh wabak Covid.

- ii. Hasil dari mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat pada 13 September 2022 memaklumkan bahawa promosi Perkhidmatan Nilai Tambah yang lain iaitu Ubat Melalui Pos dan Farmasi Pandu Lalu perlu ditingkatkan untuk memudahkan pesakit mendapatkan ubat susulan samada tanpa perlu datang ke kaunter Farmasi atau tanpa perlu mencari tempat meletak kenderaan dan seterusnya mengurangkan kesesakan di hospital. Sedangkan pelanggan lokar perlu mencari tempat meletak kenderaan yang sudah pasti amat menyukarkan pesakit.
- iii. Satu kaji selidik (Kod QR) telah dijalankan kepada pelanggan lokar berdaftar yang mengambil bekalan ubat susulan bagi tempoh 1 – 31 Ogos 2022 untuk menilai tahap kepuasan pelanggan dengan lokasi sedia ada. Hasil kaji selidik mendapati hanya 3 responden yang memberikan maklumbalas di mana 2 responden menyatakan tidak berpuas hati dengan lokasi lokar sedia ada.
- iv. Peruntukan daripada JKN Selangor masih belum diterima. Lokasi lokar yang baru selain dari bangunan KRIBA belum dikenalpasti. Lokasi lokar yang baru mestilah boleh beroperasi selama 24 jam kerana pesakit perlu mendapatkan kunci untuk membuka pintu lokar sebelum mengambil bekalan ubat.
- v. Cadangan lokasi baru adalah terhad memandangkan lokasi lokar baru mestilah berhampiran dengan perkhidmatan yang beroperasi 24 jam bagi memudahkan proses pengambilan kunci dan seterusnya mendapatkan bekalan ubat kecuali lokar sedia ada di naik taraf kepada sistem *keyless*, di mana pilihan lokasi yang lebih terbuka dan memudahkan pesakit. Walau bagaimanapun daripada kajian pasaran yang dilakukan, didapati tiada pembekal yang dapat menaik taraf kunci lokar sedia ada kepada *keyless*.

Makluman

3.10 Pembangunan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan (FoSIM) [Rujukan JKA Bilangan 2 Tahun 2022]

- a. Kelewatan Menyiapkan Projek/Serahan Projek:
 - i. Tempoh kontrak FoSIM adalah pada 16 Januari 2017 hingga 15 Julai 2020 iaitu selama 42 bulan. Perjanjian tambahan kedua berkenaan pelanjutan tempoh kontrak telah dipersetujui dan bermula 16 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021 iaitu selama 11 bulan 15 hari. Selain itu, tiada penamatan secara rasmi FoSIM yang dibuat selepas tamat tempoh waranti iaitu pada 14 Mac 2022. Pihak Audit juga mendapati selepas tamat tempoh lanjutan masa pada 30 Jun 2021, tiada lanjutan masa tambahan diluluskan. Oleh itu, berlaku kelewatan menyiapkan projek/serahan projek daripada tarikh akhir tempoh lanjutan masa antara 1 Julai 2021 hingga 14 Mac 2022 iaitu selama 8 bulan 14 hari;
 - ii. Prestasi Kewangan - Baki RM3,871,458.12 (33%) masih belum dibuat pembayaran sehingga tarikh akhir pengauditan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Unit Kewangan BKKM bayaran tidak boleh dibuat disebabkan kontrak asal telah

tamat tempoh pada tahun 2020. Permohonan untuk membuat bayaran telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun sehingga hari ini kelulusan belum diperolehi untuk pembayaran baki kontrak.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Penamatan projek secara rasmi akan dilaksanakan setelah selesai pembayaran dibuat kepada kontraktor. Kelulusan bayaran telah diperolehi daripada MOF melalui surat bertarikh 15 Julai 2022. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menerima kelulusan waran daripada Bahagian Pembangunan melalui memo bertarikh 21 September 2022.
- ii. Bahagian Perolehan dan Penswastan - Kelulusan untuk membuat bayaran Invois Tanpa Pesanan Tempatan berjumlah RM3,804,294.21 telah diterima daripada MOF melalui surat bertarikh 30 Jun 2022.

Makluman

- b. Aplikasi FoSIM Dalam Dwi Bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia) - Sehingga tarikh akhir pengauditan versi Bahasa Inggeris belum selesai sepenuhnya.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. MIMOS melalui emel bertarikh 1 Jun 2022 mengesahkan bahawa proses terjemahan ini masih dalam proses dan dijangka selesai pada 30 Jun 2022. Selain itu, pihak MIMOS memohon untuk perlanjutan masa bagi menyelesaikan isu dwibahasa sehingga 30 Ogos 2022; dan
- ii. Aplikasi Dwi Bahasa sudah selesai 80% dan 20% masih dalam tindakan pihak MIMOS. Jangkaan selesai ialah pada 30 September 2022.

Makluman

- c. Modul Pemeriksaan Premis - Berdasarkan kepada sesi *walkthrough* sistem di PKD Klang, PKD Petaling dan Ibu Pejabat PKKMM, didapati berlaku ralat (bug) melibatkan parameter pemarkahan Bahagian C: Pengendali Makanan di Borang Pemeriksaan dan Penggredan Makanan (Borang PBT).

Mesyuarat mengambil maklum bahawa modul pemeriksaan premis telah selesai 80% dan 20% masih dalam tindakan pihak MIMOS. Jangkaan selesai ialah pada 30 September 2022 dan video latihan telah dihasilkan dan sedia untuk digunakan.

Makluman

3.11 Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan dan Arahan Pembayaran) [Rujukan JKA Bilangan 2 Tahun 2022]

- a. Satu isu *corrective* yang melibatkan pembekal toner yang lewat menyempurnakan bekalan. Kutipan denda lewat sejumlah RM2,728.96. JKN Sabah telah mengeluarkan surat pemakluman kepada pembekal. Bagaimanapun, surat kedua telah dikeluarkan pada 9 Jun 2022 tetapi tiada sebarang tindakan daripada pihak pembekal.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa JKN Sabah telah mengutip semula sepenuhnya melalui resit bayaran No. Resit: 202242149901R300115 bertarikh 8 Ogos 2022.

Makluman

- b. Isu Elaun Lebih Masa terlebih bayar yang masih belum dikutip di Hospital Beluran berjumlah RM377.86 disebabkan pegawai bercuti sakit.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa JKN Sabah telah mengutip semula sepenuhnya melalui resit bayaran No. Resit: 202242141501R302413 bertarikh 7 September 2022.

Makluman

3.12 Perolehan Darurat di Hospital Daerah [Rujukan JKA Bilangan 2 Tahun 2022]

- a. YBhg. Datuk Pengerusi memohon agar satu bengkel/ kursus berkaitan perolehan darurat dilaksanakan dan diselaraskan oleh Bahagian Kewangan, Bahagian Perolehan Dan Penswastaan dan Bahagian Pembangunan Kompetensi.
- b. Mesyuarat mengambil maklum bahawa:
 - i. Perolehan adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Perolehan dan Penswastaan, maka bengkel/ kursus perolehan darurat perlulah diselaraskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaan. Bahagian Kewangan akan membantu dari segi pengisian modul berkaitan kewangan untuk bengkel/ kursus tersebut sekiranya diperlukan;
 - ii. Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan KKM telah diadakan pada 8 hingga 10 Jun 2022 secara atas talian. Kursus dihadiri 78 orang peserta (Gred 22 hingga 54/ 56 - daripada IPKKM, JKN & PKD). Isu-isu Perolehan Darurat di KKM telah dibincangkan dalam topik Ketidakkuratan dalam Perolehan Kerajaan;
 - iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) juga merancang mengadakan Kursus Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) (atas talian) anjuran BPK dengan kerjasama Bahagian Kewangan dijadualkan pada 20 – 21 September 2022. Anggaran kehadiran seramai 40 orang peserta daripada (IPKKM &

Hospital serta PTJ yang dikenalpasti mendapat teguran audit). Topik Isu-Isu Pengurusan Perolehan Darurat di KKM sekali dibangkitkan kepada PTJ sebagai peringatan dan teguran supaya isu ini tidak berulang lagi di masa hadapan;

- iv. Bahagian Perolehan dan Penswastan telah menganjurkan dua (2) siri Kursus Asas Perolehan Kerajaan bagi Pegawai dan Kakitangan di Pusat Tanggung Jawab KKM di Zon Timur dan Zon Sarawak. Satu (1) lagi siri kursus ini dijadual akan diadakan pada bulan Oktober 2022 di Zon Sabah tertakluk kepada kelulusan peruntukan tambahan untuk latihan oleh Bahagian Pengurusan Latihan;
- v. Salah satu topik yang dimasukkan dalam siri kursus ini adalah berkaitan Perolehan Darurat. Dalam masa yang sama Bahagian Pembangunan Kompetensi juga ada menganjurkan Kursus Pengurusan Bencana secara tahunan dan salah satu topik yang di senaraikan adalah berkaitan Pengurusan Perolehan Darurat; dan
- vi. Bahagian Perolehan dan Penswastan juga semasa sesi ceramah perolehan kerajaan yang dianjurkan oleh Bahagian/ Jabatan turut memberikan penerangan berhubung pelaksanaan perolehan darurat berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan (PP/ PK) 3.3.

Makluman

4. PEMBENTANGAN PENGAUDITAN CAWANGAN AUDIT DALAM

4.1 Status Pengauditan Cawangan Audit Dalam (CAD) Bagi Januari – 25 September 2022

- 4.1.1 Timbalan Ketua Audit Dalam telah membentangkan status terkini pengauditan yang dilaksanakan oleh CAD bagi tempoh Januari hingga 25 September 2022. Status pelaksanaan pengauditan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
PRESTASI PENGAUDITAN CAWANGAN AUDIT DALAM BERDASARKAN KPI TAHUN 2022**

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	STATUS PELAKSANAAN PENGAUDITAN		
		KPI	PENCAPAIAN	PERATUS (%)
1.	Pengurusan Kewangan	36	23	64
2.	Pematuhan	26	13	50
3.	Arahan Pembayaran	39	30	77
4.	Pemeriksaan Mengejut	78	78	100
5.	Prestasi	12	6	50
6.	Verifikasi Data Baki Awal	2	2	100
7.	Penilaian Risiko	2	1	50
8.	Penyataan Kawalan Dalaman	2	1	50

- 4.1.2 Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai Pengauditan Kewangan Tahun 2022 mengikut PTJ. Perancangan dan pelaksanaan pengauditan di CAD mengikut PTJ adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PENGAUDITAN DI CAD MENGIKUT PTJ

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	BIL. KESELURUHAN	PTJ 1	PTJ 2 (HOSPITAL)	PTJ 2 (SELAIN HOSPITAL)	PUSAT KOS
1.	Pengurusan Kewangan	36	10	3	23	-
2.	Pematuhan	26	-	13	13	-
3.	Arahan Pembayaran	39	-	15	24	-
4.	Pemeriksaan Mengejut	78	-	-	-	78
JUMLAH		179	10	31	60	78

- 4.1.3 Setakat 25 September 2022, CAD telah melaksanakan sejumlah 154 dari 179 PTJ yang melibatkan pencapaian 86% bagi Pengurusan Kewangan.

- 4.1.4 Mesyuarat juga dimaklumkan terdapat enam (6) program pengauditan yang sedang dijalankan oleh CAD dan akan dibentangkan di Mesyuarat JKA Bilangan 4 Tahun 2022. Status pelaksanaan pengauditan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PROGRAM AUDIT YANG SEDANG DILAKSANAKAN

BIL.	PROGRAM PENGAUDITAN	PERATUS (%)
1.	Pengurusan Projek Naik Taraf <i>Wellness Hub</i> Di KKM	80
2.	Pengurusan Program Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) Di KKM	80
3.	Pengauditan Terhadap Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib Dan Dirujuk Kepada Medical Board DI KKM	40
4.	Pematuhan	50
5.	Pengurusan Kewangan	65
6.	Arahan Pembayaran	85

Makluman

4.2 Pengauditan Terhadap Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KKM

- 4.2.1 Secara keseluruhannya, prestasi dan pengurusan terhadap SiSPAA yang dilaksanakan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) KKM adalah baik. Terdapat 19 penemuan Audit dan semua maklum balas telah diterima bagi penemuan yang telah dibangkitkan. Butiran mengenai penemuan Audit adalah seperti dalam berikut:

- a. Prestasi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA)
 - i. Aduan Berdasarkan Maklum Balas Yang Diterima Oleh KKM
- b. Pengurusan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA)
 - i. Pengurusan Maklum Balas SiSPAA Oleh KKM

- Maklum Balas Yang Tidak Diambil Tindakan
 - Pengesahan maklum balas yang ditolak/ batal dan dipanjangkan ke agensi lain
- ii. Pengurusan Aduan Oleh KKM
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
 - KPI Kadar Penyelesaian Keseluruhan Aduan
 - KPI Penyelesaian Aduan Biasa
 - KPI Penyelesaian Aduan Kompleks
 - KPI Kadar Jumlah Aduan Kompleks
 - Pendaftaran/ Saringan Maklum Balas Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan
 - Aduan Masih Dalam Tempoh Menunggu Penugasan
 - Kelewatan Tempoh Penyelesaian Aduan
 - Aduan Yang Memerlukan Siasatan/Pemerhatian Lanjut
 - Penarafan Terhadap Penyelesaian Aduan
- iii. Gangguan Di Tempat Kerja
- Aduan Berdasarkan Kes Gangguan Di Tempat Kerja Bagi Tempoh 2021 hingga 31 Mei 2022
 - Penyelesaian Aduan Gangguan Di Tempat Kerja
 - Kelewatan Penyelesaian Aduan Gangguan Di Tempat Kerja
 - Gangguan Di Tempat Kerja Mengikut Negeri Dan Pusat Tanggungjawab
 - Aduan Gangguan Di Tempat Kerja Melibatkan Kategori Perjawatan
- c. Latihan/Kursus Berkaitan Pengurusan Aduan Awam
- d. Pemantauan
- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan

Makluman

4.2.2 YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan supaya Jawatankuasa Khas Siasatan diwujudkan bagi menyemak semula keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa siasatan sekiranya terdapat bantahan/ rayuan terhadap sesuatu kes aduan. Sekiranya keputusan Jawatankuasa Khas Siasatan adalah sama seperti Jawatankuasa Siasatan, semua pihak perlu akur dan menerima dengan keputusan yang telah dibuat. Keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Khas Siasatan perlu dimaklumkan kepada pengadu.

4.2.3 YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan kepada ahli mesyuarat bahawa aduan awam yang diterima adalah penting. Setiap aduan perlu dinilai dengan teliti kerana ia dapat membantu dalam membuat satu keputusan dasar dan polisi kementerian.

Tindakan:

Unit Komunikasi Korporat

4.3 Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) Di Institut Kanser Negara

4.3.1 Secara keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan sistem ICT – Total Information System (THIS) di Institut Kanser Negara adalah memuaskan. Terdapat 19 penemuan Audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap prestasi dan pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) Di Institut Kanser Negara. Sebanyak 16 penemuan Audit yang telah selesai diambil tindakan. Bagaimanapun terdapat tiga (3) penemuan yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap pengurusan seperti berikut:

- a. Pembayaran Dibuat Di Luar Kontrak Rasmi
 - i. Tiga (3) Arahan Pembayaran berjumlah RM5.59 juta telah dibayar kepada NEX Intelligence walaupun kontrak formal belum ditandatangani selepas empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Proses tender tersebut telah dijalankan secara manual (tidak menggunakan Sistem ePerolehan). Disebabkan itu, berlaku kegagalan di pihak Bahagian Perolehan IKN untuk memantau kaedah pembayaran bagi dokumen kontrak yang belum disiapkan dalam tempoh empat (4) bulan atau tiga (3) kali pembayaran menggunakan SST;
- ii. Oleh yang demikian, Bahagian Perolehan IKN akan segera mengemukakan permohonan kelulusan Pegawai Pengawal bagi pembayaran yang telah dibuat di luar kontrak formal; dan
- iii. Tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh Bahagian Perolehan IKN adalah mengemaskini Senarai Semak dan Proses Cara Kerja Tatacara Pembayaran bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan sekiranya kelulusan khas diberikan, pembayaran akan dikategorikan di bawah Arahan Perbendaharan (AP) 59 dan prosedur AP 59 perlu dipatuhi sepenuhnya.

Selain itu, YBhg. Datuk Pengerusi juga mengingatkan pegawai penyemak yang bertanggungjawab dalam urusan pembayaran perlu lebih teliti ke atas pematuhan prosedur kewangan bagi memastikan perkara sama tidak berulang dan mendapatkan pandangan/ khidmat nasihat dari pegawai yang lebih arif sebelum sesuatu bayaran diluluskan.

Tindakan:
Institut Kanser Negara

b. Ketidakpatuhan Klausula Kontrak – Prestasi Pembayaran

- i. Empat (4) tuntutan berjumlah RM163,750.57 telah dipertanggungjawabkan tetapi bayaran tidak dapat dibuat kerana dokumen sokongan tidak lengkap;
- ii. IKN telah terlebih bayar kepada NEX Intelligence sebanyak RM4,500.00 iaitu berkaitan dengan pembayaran pembaharuan lesen perisian Adobe Acrobat PRO DC (3 lesen) bagi tahun 2019; dan
- iii. 33 Arahan Pembayaran berjumlah RM6,860,046.50 telah dikeluarkan bagi pembayaran bulanan perkhidmatan sokongan operasi dan penyenggaraan yang telah dilaksanakan oleh NEX Intelligence tanpa pengiraan dan tolakan penalti berjumlah RM18,371.55.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Hasil semakan mendapati dua (2) pembayaran telah disempurnakan melalui AP58(a) pada 14 Julai 2022. Manakala dua (2) lagi tuntutan merujuk kepada pembayaran untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan untuk bulan April 2022 dan Laporan Capacity Planning. Invois bagi kedua-dua pembayaran ini telah diterima dan telah dihantar kepada Bahagian Kewangan IKN untuk proses pembayaran pada 20 September 2022;
- ii. Tuntutan semula sebanyak RM4,500 telah dikemukakan kepada pihak NEX. Pihak NEX bersetuju untuk membayar balik sejumlah RM4,500.00 melalui potongan pembayaran bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan untuk bulan April 2022. Tindakan lain yang boleh diambil adalah dengan memastikan peruntukan dalam kontrak membenarkan pihak kontraktor untuk membekalkan lesen dan sebagainya pada spesifikasi yang lebih tinggi atau terkini; dan
- iii. Kiraan semula telah dibuat berdasarkan laporan Audit, dan penolakan penalti akan dikenakan pada invois bayaran perkhidmatan bulan April 2022. Didapati perbezaan sebenar penalti yang perlu dibayar oleh kontraktor adalah sebanyak RM18,371.55.

Tindakan:

Institut Kanser Negara

c. Tempat Penyimpanan *Backup Tape*

- i. *Backup tape* IKN telah disimpan di dalam peti besi di lokasi yang berlainan (off-site) iaitu di Jabatan Teknologi Maklumat Hospital Putrajaya (JTM HPj). Bagaimanapun peti besi tersebut telah disimpan di dalam Bilik Cetak yang turut digunakan sebagai tempat penyimpanan barang-barang yang lain.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa :

- i. IKN menempatkan *backup tape* di kabinet keselamatan yang disediakan di Hospital Putrajaya (HPj) dan semakan mendapati tempat tersebut tidak sesuai; dan
- ii. Langkah penambahbaikan yang akan diambil adalah untuk menempatkan kabinet keluli berpaling di Bangunan PETCT dan dijangka akan dilaksanakan sebelum 15 Oktober 2022.

Tindakan:

Institut Kanser Negara

4.4 Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan dan Arahan Pembayaran)

4.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan telah dilaksanakan di 20 buah Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu satu (1) PTJ 1 - JKN Selangor, sembilan (9) di PTJ 2 – hospital dan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) dan 10 di PTJ 2 – hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Ringkasan penemuan Audit mengikut kawalan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PERATUS ISU TERTINGGI MENGIKUT KAWALAN

BIL.	PERIHAL KAWALAN	PENEMUAN AUDIT	
		KEKERAPAN ISU	PERATUS (%)
1.	Aset dan Stor	24	22
2.	Perbelanjaan	23	21
3.	Pengurusan Kenderaan	23	21
4.	Terimaan	21	19
5.	Perolehan	19	17
JUMLAH		110	100

4.4.2 Antara penemuan Audit berkaitan pengauditan arahan pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

- a. Pengurusan Aset dan Stor
 - i. Bekalan diterima oleh pegawai yang tidak dilantik secara bertulis;
 - ii. Perolehan aset lewat didaftarkan;
 - iii. Rekod stok (KEW.PS-3) berbeza dengan baki fizikal stok;
 - iv. Borang terimaan barang-barang (BTB) (KEW.PS-1) bagi bekalan barang stor tidak diisi selepas penerimaan barang;
 - v. Aset tidak dilabel bagi menunjukkan tanda Hak Kerajaan Malaysia;
 - vi. Aset yang diperolehi tidak digunakan;
 - vii. Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) tidak dipamerkan;
 - viii. Stok tidak disimpan di tempat yang selamat;
 - ix. Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) tidak dikemas kini; dan

- x. Tiada sekatan bagi pegawai selain pegawai stor untuk memasuki stor.

Makluman

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Dokumen sokongan tidak lengkap bagi Arahan Pembayaran;
- ii. Tiada tindakan diambil bagi bekalan/perkhidmatan yang lewat dibekalkan/disempurnakan berbanding tarikh yang telah ditetapkan;
- iii. Bayaran elaun yang tidak tepat;
- iv. Tiada denda dikenakan berkenaan bekalan yang diterima lewat dari syarikat yang mempunyai kontrak dengan pihak Kerajaan;
- v. Bayaran dibuat sebelum perkhidmatan kawalan keselamatan disempurnakan bagi bulan November 2021;
- vi. Laporan Terperinci Pembayaran Pukul tidak disemak dengan bil asal;
- vii. Tarikh terima bekalan/ perkhidmatan tidak dinyatakan pada Nota Penerimaan manual;
- viii. Daftar bil AP103 tahun 2021 tidak dicetak dan diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya sebulan sekali;
- ix. Invois tiada pengesahan terima oleh unit kewangan; dan
- x. Pelulus Pesanan Kerajaan dan Pegawai Perakuan II terdiri dari pegawai yang sama.

Makluman

Terdapat satu (1) isu *punitive* yang melibatkan bayaran penuh perolehan sebut harga yang telah dibuat kepada pembekal TC Trucks Sales Sdn. Bhd. pada 5 November 2021 walaupun lori hanya dibekalkan kepada JKN Selangor pada 9 Februari 2022. (Maklum balas: Belum selesai)

Tindakan

JKN Selangor

Terdapat dua (2) isu *corrective* yang melibatkan:

- Bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) atau On-Call telah dibayar kepada tujuh (7) pegawai perubatan yang bertugas di Bilik Gerakan Covid-19 pada bulan Mac hingga Julai 2021. (Maklum balas: Belum selesai)

Tindakan

Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan

- Kerja bernilai RM425,600 bagi pemasangan sistem hose reel dan sistem penggera kebakaran telah lewat disempurnakan selama 23 hari namun denda RM76.37 sehari tidak dikenakan. (Maklum balas: Belum selesai)

Tindakan

Hospital Kapit, Sarawak

c. Pengurusan Kenderaan

- i. Ketua Jabatan tidak memeriksa Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Kenderaan;
- ii. Ketua Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas penggunaan buku log sekurang-kurangnya sekali setahun;
- iii. Tiada semakan dilakukan oleh Pegawai Kenderaan untuk Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dengan penyata dari syarikat pembekal bagi Kenderaan Jabatan;
- iv. Buku log kenderaan Jabatan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- v. Maklumat kenderaan tidak direkodkan dengan lengkap dalam buku log;
- vi. Pengiraan kadar penggunaan bahan api bulanan tidak tepat;
- vii. Penyata Pembelian Bahan Api tidak disahkan oleh pemandu atau pemegang kad;
- viii. Pengisian bahan api yang tidak menjimatkan;
- ix. Rekod penyenggaraan berjadual tidak diselenggara; dan
- x. Notis kesalahan lalu lintas/saman kenderaan masih tertunggak.

Makluman

d. Kawalan Terimaan

- i. Laporan ABT pada 31 Disember 2021 yang dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri tidak mengikut tempoh pengumuman (ageing) seperti yang dinyatakan dalam WP 10.6;
- ii. Pemeriksaan Mengejut AP 309 tidak dilaksanakan;
- iii. Pemeriksaan Dalaman AP 308 tidak dilaksanakan;
- iv. Laporan terimaan mel tidak diselenggara dengan lengkap;
- v. Notis untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan;
- vi. Tiada tandatangan ringkas pada Penyata Pemungut oleh pegawai yang diberi kuasa setelah pungutan dimasukkan ke bank;
- vii. Menyimpan barang selain barang yang dibenarkan di dalam bilik kebal;
- viii. Anak kunci dan nombor kombinasi peti besi dipegang oleh seorang pegawai;
- ix. Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi pemegang kunci dan nombor kombinasi bilik kebal atau peti besi tidak disediakan mengikut format yang ditetapkan; dan
- x. Bayaran sewa premis demis bulanan lewat dari pihak syarikat ke PTJ.

Makluman

Terdapat satu (1) isu *corrective* yang melibatkan Akaun Belum Terima (ABT) tunggakan bayaran balik gaji/ emolumen yang melebihi 12 bulan masih belum diselesaikan oleh bekas pegawai. (Maklum balas: Belum selesai)

Tindakan

Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sepang, Selangor

e. Pengurusan Perolehan

- i. Tiada rekod pembelian terus yang lengkap dihantar kepada Pegawai Pengawal serta disalinkan kepada Cawangan Audit Dalam;
- ii. Perolehan dipecah kecil;
- iii. Perolehan Kerja tidak dikunci masuk dalam sistem MyGPIS;
- iv. Pesanan Kerajaan digunakan bagi perolehan kerja;
- v. Perolehan Kerja tidak menggunakan Inden Kerajaan;
- vi. Tiada pegawai yang dilantik untuk memantau sistem MyGPIS;
- vii. Helaian pada Surat Setuju Terima (SST) tidak ditandatangani/dicap oleh pihak Kerajaan / Syarikat;
- viii. Lampiran A, B dan C Integrity Pact tidak ditandatangani oleh penjawat awam yang terlibat dalam perolehan Kerajaan; dan
- ix. Surat Akuan Integrity Pact, Lampiran F (Surat Akuan Pembida) tidak dicetak dan difailkan

Makluman

Terdapat satu (1) isu *corrective* yang melibatkan kerja membekal dan memasang *pigeon hole* dan pintu kabinet telah terkurang saiz daripada spesifikasi yang sepatutnya di Klinik Pergigian Bandar Jengka dan Klinik Pergigian Bukit Tajau.
(Maklum balas: Selesai)

Makluman

4.4.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengauditan Arahan Pembayaran telah dijalankan di 15 buah Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh Malaysia melibatkan lima (5) PTJ 2 (hospital) dan 10 PTJ 2 (bukan hospital). Sebanyak 2,829 Arahan Pembayaran telah disemak melibatkan nilai RM39.4 juta dengan 27 penemuan Audit.

4.4.4 Antara penemuan Audit berkaitan pengauditan arahan pembayaran adalah seperti berikut:

- a. Bayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap (8 PTJ);
- b. Pembayaran tidak dibuat dengan tepat (8 PTJ);
- c. Bekalan lewat dibekalkan (6 PTJ);
- d. Pembayaran tidak menggunakan kod akaun yang tepat (5 PTJ);
- e. Aset Alih tidak dilabel/tidak daftar/lewat daftar (2 PTJ);
- f. Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan (2 PTJ);
- g. Pembayaran penuh sebelum perkhidmatan disempurnakan (2 PTJ);
- h. Kad perakam waktu tidak diketik masuk dan keluar bagi tuntutan bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) / Elaun Lebih Masa (ELM) (2 PTJ);
- i. Pesanan Kerajaan dan Perakuan II Arahan Pembayaran telah diluluskan oleh pegawai yang sama (2 PTJ);
- j. Aset yang dibeli tidak digunakan/belum digunakan (2 PTJ);
- k. Aset/bekalan diterima oleh pegawai yang tidak diberi kuasa/tidak memiliki kepakaran (2 PTJ);
- l. Pembayaran tidak dibuat dengan wajar (2 PTJ); dan

m. Gred Pegawai Penyedia adalah lebih tinggi daripada gred Pegawai Perakuan II (2 PTJ).

Makluman

4.4.5 Mesyuarat juga dimaklumkan berkenaan isu *corrective* bagi Arahan Pembayaran iaitu kesilapan bayaran (terlebih bayar) yang melibatkan enam (6) PTJ . Perkara ini telah diambil tindakan oleh PTJ terlibat dan ringkasan penemuan Audit adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
ISU CORRECTIVE KESILAPAN BAYARAN (TERLEBIH BAYAR)

PTJ	AMAUN (RM)	JENIS BAYARAN	STATUS
Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang	4,946.40	Elaun lebih Masa	Selesai
PKPD Kuala Krai, Kelantan	83.86	Elaun Lebih Masa	Selesai
Hospital Bentong, Pahang	4,229.40	Perolehan kerja tidak mengikut spesifikasi	Selesai
ILKKM (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan	2,286.53	Penalti - Kegagalan Pengawal Keselamatan (PK) membuat <i>clocking</i> seperti ketetapan perjanjian	Belum selesai
	239.18	Tolakan - Satu (1) <i>clocking point</i> rosak	
Hospital Selama, Perak	726.54	Elaun Lebih Masa	Belum Selesai
	2,028.64	Penalti	Belum Selesai
Hospital Tangkak, Johor	684.52	Penalti	Belum Selesai
	1,257.40	Tolakan Bayaran	Belum Selesai

4.6.6 YBhg. Datuk Pengerusi memohon semua PTJ terlibat menyelesaikan isu pembayaran yang masih belum dikutip selewat-lewatnya sehingga 28 September 2022.

Tindakan:

ILKKM (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Hospital Selama, Perak
Hospital Tangkak, Johor

4.5 Pengauditan Penilaian Risiko Aktiviti Kelulusan Bersyarat Kit Ujian Kendiri COVID-19 Di Fasiliti Ujian

Secara keseluruhannya, fasiliti ujian telah mematuhi pelaksanaan pengujian kit ujian sendiri Covid-19 seperti arahan pihak Medical Authority Device (MDA). Terdapat lima (5) penemuan Audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan penilaian risiko aktiviti kelulusan bersyarat kit ujian sendiri Covid-19 di fasiliti ujian. Semua penemuan Audit telah selesai diambil tindakan seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENILAIAN RISIKO AKTIVITI KELULUSAN BERSYARAT KIT UJIAN KENDIRI COVID-19
DI FASILITI UJIAN

PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS	STATUS
Tiada ujian makluman dalam laman web rasmi fasiliti.	Penyelarasan oleh pihak MDA melalui SOP MDA dan Surat Evaluation MDA	Selesai
Prosedur penetapan bayaran kit ujian menyebabkan risiko ABT meningkat.	Prosedur bayaran telah dikemaskini dalam proses kerja di fasiliti ujian	Selesai
Tiada klausa jelas mengenai kadar bayaran, bilangan kit ujian dan tempoh masa serta penetapan pemulangan kit ujian.	Proses kerja telah dikemaskini di peringkat fasiliti ujian	Selesai
Lima (5) transaksi bayaran tidak dijelaskan oleh pihak syarikat walaupun laporan telah disediakan.	Untuk memastikan tiada tunggakan ABT, fasiliti ujian telah menetapkan bayaran pendahuluan dijelaskan sebelum ujian dimulakan	Selesai
Format invoice yang digunakan oleh pihak MKAK, IMR dan IKN tidak mendapat kelulusan Jabatan Akauntan Negara.	Mengguna pakai format invoice modul iGFMAS	Selesai

Makluman

4.6 Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan Bagi Tempoh Januari – Jun 2022 Melalui Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK)

4.6.1 Secara keseluruhannya, purata markah pencapaian keseluruhan PTJ di KKM adalah 97.06% iaitu tahap Cemerlang bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 yang melibatkan 446 PTJ. Purata markah pencapaian ini meningkat 0.05% berbanding tempoh Julai hingga Disember 2021 yang melibatkan 443 PTJ.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa sembilan (9) PTJ berada pada tahap Baik (80 – 89.9%) dan satu (1) PTJ iaitu Hospital Pitas, Sabah berada pada tahap Memuaskan (70 – 79.9%).

4.6.2 Hospital Pitas, Sabah memaklumkan bahawa telah tersilap mengunci masuk penilaian sendiri dengan menjawab “Tidak” pada elemen yang “Tidak Berkaitan” menyebabkan peratusan telah jatuh.

4.6.3 YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan agar Hospital Pitas, Sabah menghubungi urus setia dan membuat percubaan penilaian mengikut jawapan yang sepatutnya bagi memastikan peratusan pemarkahan yang tepat.

Tindakan:
Hospital Pitas, Sabah

4.7 Perkongsian Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) – Pengauditan Menggunakan Senarai Semak Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK)

- 4.7.1 Pengarah JKWPKL&P memaklumkan sesi perkongsian pengauditan menggunakan senarai semak Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK) merupakan rentetan dari Mesyuarat JKA Bil. 1 Tahun 2022 mengenai hasrat YBhg. Datuk Pengerusi supaya JKWPKL&P membuat percubaan sendiri dan berkongsi hasil semakan dan penilaian bersama Ahli Mesyuarat.
- 4.7.2 Secara keseluruhannya, penilaian prestasi telah dibuat terhadap dua (2) kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan - Pemeriksaan Dalaman/ Mengejut dan Kawalan Pengurusan Kenderaan - Kawalan Kad Inden Minyak. Semakan telah dibuat terhadap JKN, dua (2) hospital dan lima (5) Pejabat Kesihatan dan kesemua PTJ mematuhi elemen dalam S3PK.
- 4.7.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa audit silang juga telah dibuat terhadap sembilan (9) Klinik Kesihatan dan terdapat ketidakpatuhan seperti berikut:
- a. Kawalan Pengurusan (Pemeriksaan Dalaman/ Mengejut)
 - i. Terdapat Pemeriksaan Mengejut yang dilaksanakan sekali setahun atau lebih dari 6 bulan;
 - ii. Tidak semua Pemeriksaan Mengejut dijalankan oleh Ketua Klinik; dan
 - iii. Ada yang dijalankan oleh Penolong Pembantu Tadbir N29.
 - b. Kawalan Pengurusan Kenderaan (Kawalan Pergerakan Kad Inden)
 - i. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Klinik; dan
 - ii. Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak silang dengan Salinan resit dan disahkan dengan bayaran pukal.
- 4.7.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa ketidakpatuhan ini berlaku disebabkan oleh pertukaran pegawai dan kakitangan baru yang masih dalam proses latihan dan salah faham berkaitan prosedur kerja yang betul.
- 4.7.5 Mesyuarat juga dimaklumkan pelaksanaan S3PK secara audit silang adalah lebih berkesan berdasarkan hasil penemuan audit yang dibangkitkan.
- 4.7.6 YBhg. Datuk Pengerusi berpandangan audit silang boleh dibuat berpandukan senarai semak S3PK antara sesama fasiliti kesihatan dengan mengambil kira faktor lokasi dan logistik tanpa melibatkan implikasi kewangan yang tinggi.

Makluman

5. PEMBENTANGAN STATUS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

5.1 AG's Dashboard

Mesyuarat dimaklumkan mengenai status terkini maklum balas isu-isu yang dipaparkan dalam *AG's Dashboard* setakat 25 September 2022 bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 berkaitan aktiviti KKM seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
STATUS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SETAKAT 25 SEPTEMBER 2022

LKAN	TAJUK KAJIAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN	
			SELESAI	DALAM TINDAKAN
Tahun 2019 Siri 2	Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital	15	14	1

5.2 LKAN Tahun 2019 Siri 2

- a. Mesyuarat dimaklumkan terdapat 15 isu bagi tajuk Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital dalam LKAN Siri 2 yang mana 14 daripadanya telah selesai manakala satu isu masih dalam tindakan KKM.
- b. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Perolehan dan Penswastaan sedang menyediakan kertas pertimbangan berhubung hala tuju peluasan penggunaan ASIS dan akan mengemukakan kepada pengurusan atasan Kementerian dalam masa terdekat.

Tindakan

Bahagian Perolehan Dan Penswastaan
Cawangan Audit Dalam

YBhg. Datuk Pengerusi meminta Bahagian Perolehan dan Penswastaan untuk mengemukakan kertas pertimbangan berhubung hala tuju peluasan penggunaan ASIS dengan menyatakan kekangan yang dihadapi oleh pihak KKM sebagai justifikasi. Kertas pertimbangan perlu dikemukakan dalam tempoh satu (1) minggu.

Tindakan:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Cawangan Audit Dalam

6. HAL-HAL LAIN

Tiada hal-hal lain dibincangkan semasa Mesyuarat JKA KKM Bil. 3 Tahun 2022.

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:40 tengah hari.

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

A. HADIR:**i. Ibu Pejabat KKM**

- | | | |
|---|---|-----------|
| 1. YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) | - | Pengerusi |
| 2. YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) | - | Fizikal |
| 3. YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) | - | Secara VC |
| 4. Puan Norrani binti Eksan
Pengarah Kanan
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan | - | Secara VC |
| 5. Puan Norhaliza binti A. Halim
Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi | - | Fizikal |
| 6. Encik Wan Hashim bin Wan Rahim
Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Pembangunan | - | Secara VC |
| 7. Puan Norli binti Karim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan | - | Secara VC |
| 8. Encik Mohd Fauzee bin Abd Majid
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Penswastaan | - | Secara VC |
| 9. Encik Dhanesh Kumar a/l Danesekaran
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan | - | Secara VC |
| 10. Puan Noor Aini binti Ahmad
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan | - | Secara VC |
| 11. Puan Emilia Rosnizar binti Ahmad Hanipiah
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi | - | Secara VC |
| 12. YBhg. Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah
Ketua Unit
Unit Integriti | - | Secara VC |
| 13. Tuan Yang Zaimy bin Yang Ghazali
Penasihat Undang-Undang | - | Secara VC |

- | | | |
|---|---|------------|
| 14. Encik Mohd Hamzah Murghayah bin Abdullah
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia | - | Fizikal |
| 15. Puan Nor Asma binti Abdullah Sani
Timbalan Ketua Audit Dalam | - | Setiausaha |

ii. Jabatan Kesihatan Negeri

- | | | |
|---|---|-----------|
| 16. YBhg. Dato' Dr. Aman bin Rabu
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor | - | Secara VC |
| 17. YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari bin Ngadiman
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor | - | Secara VC |
| 18. YBhg. Dato' Dr. Nor Azimi Binti Yunus
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang | - | Secara VC |
| 19. YBhg. Dato' Dr. Zaini Bin Hussin
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan | - | Secara VC |
| 20. YBrs. Dr. Othman bin Warijo
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah | - | Secara VC |
| 21. YBhg. Datuk Dr. Rose Nani binti Mudin
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah | - | Secara VC |
| 22. YBrs. Dr. Ma'arof bin Sudin
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang | - | Secara VC |
| 23. YBrs. Dr. Sirajuddin bin Hashim
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak | - | Secara VC |
| 24. YBhg. Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan | - | Secara VC |
| 25. YBrs. Dr. Nor'Aishah binti Abu Bakar
Pengarah Jabatan Kesihatan WPKL/Putrajaya | - | Secara VC |
| 26. YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perlis | - | Secara VC |
| 27. YBrs. Dr. Francis Paul
Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah
Persekutuan Labuan | - | Secara VC |

B. TURUT HADIR:

- | | | |
|--|---|-----------|
| 28. YBrs. Dr. Fauziah binti Ahmad
Pengarah Bahagian Amalan & Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian | - | Secara VC |
| 29. YBrs. Dr. Fazilah binti Shaik Allaudin
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan | - | Secara VC |

30. Puan Nur' Ain Shuhaila binti Shohaimi
Timbalan Pengarah
Program Perkhidmatan Farmasi - Secara VC
31. Puan Rohana binti Hassan
Timbalan Pengarah
Program Perkhidmatan Farmasi - Secara VC
32. Puan Azma binti Jusoh
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun - Secara VC
33. Puan Nuha binti Musa
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat - Secara VC
34. Encik Azlan bin Ahmad
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan - Secara VC
35. Encik Zaukapeli @ Zulkifli bin Ab. Samad
Timbalan Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan - Secara VC
36. Puan Zainab binti Mohamed Shah
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat - Secara VC
37. Puan Saidatul Sheeda binti Ahmad Shukri
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi - Secara VC
38. Puan Farah binti Ishak
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan - Secara VC
39. Encik Mohd Fadlee bin Mamat
Peguam Kanan Persekutuan
Pejabat Penasihat Undang-Undang - Secara VC
40. YBrs. Dr. Shamsul bin Maali
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Kesihatan Negeri Johor - Secara VC
41. YBhg. Dato' Khairur Rizal bin Ramli
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang - Secara VC
42. YBrs. Dr. Rozihan binti Mat Hasan @ Husin
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang - Secara VC
43. Encik Velan Supramaniam
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Perak - Secara VC
44. Puan Maheswari Malayandy
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang - Secara VC

45. Encik Paul Sazin Anak Riget
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak - Secara VC
46. Encik Muhamad Fadzil bin Ali
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu - Secara VC
47. Puan Nazrahtul Aini binti Baharum
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Kuala Lumpur & Putrajaya - Secara VC
48. YBrs. Dr. Ruzita binti Mustafa
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka - Secara VC
49. YBrs. Dr. Nur Azlina binti Ramli
Pegawai Pergigian
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang - Secara VC
50. YBrs. Dr. Sophia binti Mohd Ramli
Pakar Perubatan (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Kuala Lumpur & Putrajaya - Secara VC
51. Puan Pramila A/LP Jeyaramachandram
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Johor - Secara VC
52. Encik Wong Kim Han @ Robert
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor - Secara VC
53. YBrs. Dr. Ummi Kelthom binti Shamsudin
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor - Secara VC
54. Encik Lim Soon Hock
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan - Secara VC
55. Puan Shanthini Batumalai
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang - Secara VC
56. Puan Norazlinda binti Ali
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis - Secara VC
57. Puan Thilampriya Asoken
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan - Secara VC
58. Encik Norhazli bin Nion
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu - Secara VC
59. Encik Lee Wee Ju
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak - Secara VC

- | | | | |
|-----|--|---|-----------|
| 60. | Puan Norlilah binti Mostem
Akauntan
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah | - | Secara VC |
| 61. | Puan Norhafizah binti Abdul Rahman
Akauntan
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang | - | Secara VC |
| 62. | Puan Nur Najwa binti Abd Rahim
Akauntan
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis | - | Secara VC |
| 63. | Encik Mohd Nor Azman bin Asnawi
Akauntan
Jabatan Kesihatan Negeri Kuala Lumpur & Putrajaya | - | Secara VC |
| 64. | Puan Yamuna Perimalu
Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat | - | Fizikal |
| 65. | Cik Nurul Jannah binti Mohd Noor
Pegawai Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Korporat | - | Fizikal |
| 66. | YBrs. Dr. Mohd Anis bin Haron @ Harun
Pengarah
Institut Kanser Negara | - | Fizikal |
| 67. | YBrs. Dr. Zaleha Binti Md Noor
Pengarah
Hospital Tuanku Ja'afar | - | Secara VC |
| 68. | YBrs. Dr. Ngian Hie Ung
Pengarah
Hospital Umum Sarawak | - | Secara VC |
| 69. | YBrs. Dr. Teo Gim Sian
Pengarah
Hospital Pulau Pinang | - | Secara VC |
| 70. | YBrs. Dr. Zaharimah binti Abdul Kadir
Pengarah
Hospital Melaka | - | Secara VC |
| 71. | YBrs. Dr. William Gotulis
Pengarah
Hospital Queen Elizabeth | - | Secara VC |
| 72. | YBrs. Dr Zaiton binti Udin
Pengarah
Hospital Sultanah Bahiyah | - | Secara VC |
| 73. | YBrs. Dr. Francis Lee Ngie Ping
Pengarah
Hospital Kapit, Sarawak | - | Secara VC |
| 74. | YBrs. Dr. Amaani binti Ab. Halim
Pengarah
Hospital Selama, Perak | - | Secara VC |

75. YBrs. Dr. Hassanin Husseyne Hilmi bin Mohd Khalid
Pengarah
Hospital Balik Pulau - Secara VC
76. YBrs. Dr. Theeban A/L Suntherasegarun
Pengarah
Hospital Bentong - Secara VC
77. YBrs. Dr Clarence D. Sirisani
Pengarah
Hospital Tuaran - Secara VC
78. YBrs. Dr. Sabariah binti Mohamad Sa'ad
Pengarah
Hospital Tangkak - Secara VC
79. YBrs. Dr. Norlimah binti Arsad
Pengarah
Hospital Tawau - Secara VC
80. YBrs. Dr. Gerald Marcus
Pengarah
Hospital Pitas - Secara VC
81. Puan Roslita binti Ujang
Pengarah
Institut Latihan KKM (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan - Secara VC
82. YBrs. Dr. Fatanah binti Ismail
Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan - Secara VC
83. YBrs. Dr. Mohd. Asri bin Riffin
Pengarah
Pusat Jantung Sarawak - Secara VC
84. Encik Amiruzie bin Ramli
Timbalan Pengarah
Institut Kanser Negara - Secara VC
85. YBrs. Dr. Muhamad Azrin bin Omar @ Nawi
Timbalan Pengarah (Perubatan II)
Institut Kanser Negara - Secara VC
86. Puan Hafizatun binti Ramlan
Timbalan Pengarah
Hospital Tuanku Ja'afar - Secara VC
87. YBrs. Dr. Christine Lu Shin Yeen
Timbalan Pengarah Klinikal
Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Sabah Likas - Secara VC
88. Y.M. Dr. Tengku Intan Norleen binti Tengku Sharif
Timbalan Pengarah Perubatan I
Hospital Selayang - Secara VC
89. YBrs. Dr. Patimah binti Abd Rahim
Pegawai Kesihatan Pergigian Daerah
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sepang - Secara VC

90. YBrs. Dr. Zuana Lisma binti Omar
Pegawai Kesihatan Pergigian Daerah
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Maran - Secara VC
91. YBrs. Dr Ainon Natrah binti Aminnudin
Pegawai Pergigian Daerah Kuantan
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuantan - Secara VC
92. YBrs. Dr Umairah Haneem binti Md Hashim
Pegawai Pergigian Daerah Barat Daya
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Barat Daya - Secara VC
93. YBrs. Dr. Shreema A/P Rasiah
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak - Secara VC
94. YBrs. Dr. Lim Jyh Hann
Pegawai Kesihatan Kawasan
Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu - Secara VC
95. YBrs. Dr. Teh Jo Hun
Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Sibul - Secara VC
96. YBrs. Dr. Raviwharmman a/l Packierisamy
Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Miri - Secara VC
97. YBrs. Dr. Emmanuel Joseph Fong Tsung
Pegawai Kesihatan Bahagian
Pegawai Kesihatan Bahagian Sarikei - Secara VC
98. YBrs. Dr. Melvin Chung Hsien Liang
Pegawai Kesihatan Bahagian
Pegawai Kesihatan Bahagian Bintulu - Secara VC
99. YBrs. Dr. Shameer Khan bin Sulaiman
Pegawai Kesihatan Kawasan
Pejabat Kesihatan Kawasan Semporna - Secara VC
100. YBrs. Dr. Rokiah binti Mohd
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga - Secara VC
101. YBrs. Dr Nor Hayati binti Ibrahim
Timbalan Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan - Secara VC
102. YBrs. Dr. Azkhaire bin Anor Basah
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan - Secara VC
103. YBrs. Dr Farhana binti Md. Ali
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan - Secara VC
104. YBrs. Dr. Ahmad Fareed bin A Rahman
Timbalan Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan - Secara VC

105. YBrs. Dr Jenarun Jelip
Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor
Bahagian Kawalan Penyakit - Secara VC
106. Encik Wan Samsulri Wan Hasbi
Timbalan Pengarah Pengurusan
Hospital Umum Sarawak - Secara VC
107. Puan Jasnawati binti Jasmin
Timbalan Pengarah Pengurusan
Hospital Queen Elizabeth - Secara VC
108. Encik Wan Ahmad Fazli bin Wan Kamis
Timbalan Pengarah Hospital (Pengurusan)
Hospital Sultanah Bahiyah - Secara VC
109. YBrs. Dr. Selvamalar a/p Selvarajan
Timbalan Pengarah Perubatan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah - Secara VC
110. YBrs. Dr Nik Suhani binti Nik Man
Pegawai Pergigian
Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Krai - Secara VC
111. YBrs. Dr. Zuzana binti Selamat
Pegawai Perubatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak - Secara VC
112. YBrs. Dr. Ravindran Thayan
Ketua Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit
Institut Penyelidikan Perubatan - Secara VC
113. Puan Mariammah a/p Krishnasamy
Pegawai Sains
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan - Fizikal
114. Cik Nurizzati binti Haris Fadzilah
Penolong Pengarah
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan - Fizikal
115. YBrs. Dr. Hanif bin Zailani
Ketua Sektor Kawalan VPD/FWBD
Bahagian Kawalan Penyakit - Secara VC
116. YBrs. Dr. Zuhaida Binti A. Jalil
Ketua Sektor SID
Bahagian Kawalan Penyakit - Secara VC
117. YBrs. Dr. Harishah binti Talib
Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa KL - Secara VC
118. Puan Aida binti Mat Isa
Pegawai Tadbir
Hospital Tengku Ampuan Afzan - Secara VC
119. Puan Hasleza binti Abdullah
Juruaudit
Cawangan Audit Dalam - Fizikal

- | | | | |
|------|---|---|---------|
| 120. | Encik Seh Hanafi bin Sheh Omar
Juruaudit
Cawangan Audit Dalam | - | Fizikal |
| 121. | Encik Abul Hisyam bin Anuar
Juruaudit
Cawangan Audit Dalam | - | Fizikal |
| 122. | Encik Dina Omar bin Fadzillah
Juruaudit
Cawangan Audit Dalam | - | Fizikal |

C. URUS SETIA CAWANGAN AUDIT DALAM:

- | | | | |
|------|--|---|---------|
| 123. | Encik Sameri bin Abdullah
Juruaudit | - | Fizikal |
| 124. | Cik Khairul Bariyah binti Darus Amin
Pegawai Teknologi Maklumat | - | Fizikal |
| 125. | Encik Muhammad Zhafri bin Zainuddin
Juruaudit | - | Fizikal |
| 126. | Cik Mastura binti Ghazali
Juruaudit | - | Fizikal |
| 127. | Encik Muhammad Husaini bin Hanapi
Juruaudit | - | Fizikal |
| 128. | Encik Muhammad Umair bin Abd Rahman
Juruaudit | - | Fizikal |
| 129. | Puan Nurfatimah binti Suliaman
Juruaudit | - | Fizikal |

D. TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

i. Ibu Pejabat KKM

- | | | | |
|------|---|---|--|
| 130. | YBhg. Dato' Zainal Alhakab bin Seman
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan | - | Urusan Rasmi ke Sabah |
| 131. | YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) | - | Menghadiri
Persidangan NEHAP |
| 132. | YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) | - | Menghadiri
Mesyuarat di Sarawak |
| 133. | YBrs. Dr. Rozita Halina binti Tun Hussein
Pengarah Bahagian Perancangan | - | Menghadiri
Mesyuarat di Luar Negara |

- | | | |
|---|---|--|
| 134. YBrs. Dr. Noormi binti Othman
Pengarah Kanan (Pergigian) | - | Menghadiri Program Rasmi di Klinik Pergigian Kuala Lumpur |
| 135. Puan Salmiah binti Ramli
Setiausaha Bahagian Bahagian Akaun | - | Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan di Jabatan Akauntan Negara |

ii. Jabatan Kesihatan Negeri

- | | | |
|---|---|---|
| 136. YBrs. Dr. Ooi Choo Huck
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak | - | Cuti Sakit |
| 137. YBhg. Dato' Dr. Hjh. Kasemani binti Embong
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu | - | Menghadiri Kursus Advanced Leadership and Management Programme (ALMP) |
| 138. YBrs. Dr. Rusdi bin Abd. Rahman
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka | - | Menghadiri Kursus Advanced Leadership and Management Programme (ALMP) |